

21 JAN 2001

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KERJA EMPAT HARI KE OSAKA

Oleh:D. Arul Rajoo

OSAKA, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang ke tanah air hari ini selepas mengadakan lawatan kerja selama empat hari ke sini.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai dekat sini dengan menaiki pesawat khas Kerajaan Malaysia.

Yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada perdana menteri ialah Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohammad Noor dan para pegawai kedutaan.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir menyampaikan ucap tama pada Simposium Antarabangsa Mainichi, peringkat pertama kempen "Wake Up Kansai" yang bertujuan memulihkan kelembapan ekonomi di wilayah Kansai.

Dalam ucapan beliau yang bertajuk "Menggalakkan Persefahaman Bersama Antara Asia dan Jepun, terutamanya Kansai", Perdana Menteri menggesa Jepun agar tidak meniru budaya Barat 100 peratus tetapi mengekalkan nilai-nilai tradisional mereka yang telah diuji dan berjaya.

Beliau turut menghadiri majlis pelancaran buku yang memuatkan himpunan artikel beliau yang disiarkan dalam Mainichi Daily News, bertajuk "Reflections of Asia".

Semasa lawatan itu juga, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun Takeo Hiranuma dan Pengerusi Persekutuan Ekonomi Kansai, Yoshihisa Akiyama yang juga merupakan Presiden Kansai Electric Power Co. Inc.

Dr Mahathir turut melawat kilang Sharp Liquid Crystal Display (LCD) di Tenri City, Wilayah Nara.

Di sana, perdana menteri, yang menyaksikan ciptaan terbaru dunia elektronik, telah menggesa gergasi elektronik Jepun itu untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia, termasuk membina loji LCD.

Selain itu, beliau turut melawat pusat multimedia di Osaka Electro-Communication University, yang khusus bagi pembelajaran Teknologi Maklumat.

Perdana Menteri juga mengadakan dialog dengan pelajar Malaysia yang belajar di wilayah Kansai dan turut menyertai forum bertajuk "Views and Ideas on the 21st Century-Future of Asia and Japan's Choice" yang dirakamkan oleh Fuji Television Network.

-- BERNAMA

AR RHM